
Gangguan Siber dan Konflik Kerja Keluarga: Disederhanakan Oleh *Burnout*

Sabariah binti Johari¹, Mazriana binti Ashari², Hasbullah bin Ibrahim@Ab Rahman³

^{1,2,3} Department of Commerce, Politeknik METrO Kuala Lumpur, Malaysia

E-mail: sabariah@pmkl.edu.my

E-mail: mazriana@pmkl.edu.my

E-mail: hasbullah@pmkl.edu.my

Abstract

Penggunaan internet menjadi satu keutamaan dan keperluan kepada masyarakat di seluruh dunia masakini. Ketika teknologi internet semakin maju, media sosial pun ikut membangun dengan pesat. Media sosial bukan sahaja di ungguli oleh golongan remaja, dewasa dan warga tua, malah anak-anak juga telah didedahkan dengan media sosial oleh ibu bapa mereka. Kewujudan media sosial ini bukan sahaja memberi kesan yang positif dalam jaringan komunikasi, tetapi ianya telah membuka ruang yang luas terhadap kesan negatif. Gangguan siber merupakan tingkah laku negatif melalui media sosial. Ianya adalah satu bentuk pencerobohan secara psikologi yang dilakukan oleh pelaku kepada mangsa dan boleh menyebabkan penularan yang lebih luas di alam maya. Gangguan siber mampu memberi kesan negatif di tempat kerja yang mengundang kepada pelbagai permasalahan dalam waktu bekerja. Namun, masih kurang penyelidikan yang mengkaji tentang kesan gangguan siber di tempat kerja yang mempengaruhi situasi diluar waktu bekerja iaitu waktu bersama keluarga; konflik kerja-keluarga. Kajian ini menggunakan Teori Pemulihan Sumber (*Conservation of Resources Theory*) kerana menurut teori ini “kejadian yang kritikal” (*critical events*) berupaya menyuntik ketegangan dan ancaman untuk kehilangan sumber iaitu kualiti hubungan keluarga. Kajian ini juga diteruskan dengan menguji perbezaan individu apabila berhadapan dengan situasi gangguan siber. Perbezaan individu yang diuji adalah tahap burnout individu sebagai pembolehubah penyederhana. Beberapa cadangan kajian telah diutarakan berkaitan kecenderungan pengaruh gangguan siber ke atas hubungan kerja-keluarga.

Kata kunci : *Gangguan Siber, Konflik Kerja-Keluarga, Burnout*
